



**SEBAHAGIAN** sukarelawan dan aktivis yang menyertai program Menanam Pokok Berembang di Jeti Pangkalan Kudud, Kuala Selangor, Selangor, baru-baru ini.

## 150 sukarelawan tanam 200 pokok berembang

**KUALA SELANGOR** 28 Sept. - Lebih 150 sukarelawan dan aktivis masyarakat menyertai Program Menanam Pokok Berembang di Jeti Pangkalan Kudud di sini.

Program menanam lebih 200 anak pokok berembang atau nama saintifiknya, Sonneratia Caseolaris itu dianjurkan oleh Kelab Generasi Warisan Seri Asahan (KONGRES) bersama Najib Razak Club (NRC11).

Program turut disertai ahli Pengakap Kelana Kuala Selangor, Kelab Alami KAWA, Persatuan Pendayung Kampung Kuantan dan mahasiswa dari Universiti

Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam dan Puncak Perdana serta Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengerusi Kelab Generasi Warisan Seri Asahan (KONGRES), Ali Tukiran berkata, objektif program itu bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat agar menjaga dan memulihara habitat kelip-kelip di kawasan berkenaan daripada ancaman kepupusan.

Menurutnya, usaha itu merupakan satu kempen kesedaran secara berterusan tentang pemuliharaan alam sekitar bagi menjamin ekosistem sungai dan habitat kelip-kelip di Sungai Se-

langor khususnya di kawasan pelancongan kelip-kelip Kampung Kuantan.

"Sukarelawan dibawa menuai 13 buah sampan menyusuri Sungai Selangor untuk ke lokasi sekitar perairan Kampung Asahan dan Kampung Tanjong Siam Baru," katanya.

Sementara itu, Penyelaras NRC11, Mohamad Shafik Safarizan memberitahu, program seperti itu sangat baik dan harus diteruskan pada masa hadapan terutama dengan penglibatan golongan muda, pertubuhan bukan kerajaan dan badan-badan korparat.